

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Welcome Centre
Sent: Sunday, July 29, 2018 2:36 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: LEBIH 200 PELAJAR SMK DARULAMAN HEIGHTS 1, JITRA KEDAH KAGUMI SEJARAH UUM



29 JULAI 2018 / 16 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

LEBIH 200 PELAJAR SMK DARULAMAN HEIGHTS 1, JITRA KEDAH KAGUMI SEJARAH UUM



ANJUNG TAMU ONLINE: Apakah yang menarik untuk Discover UUM?

Pertanyaan sebegini bermain dalam minda 202 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Darulaman Heights 1 (SMKDH 1) yang tidak melengahkan masa membanjiri ruang jemuran Welcome Centre malah terus melangkah masuk ke Rumah Ibu, Rumah Tengah dan Loteng.

Selain perkembangan minda pelajar, kemampuan meneroka, memilih dan membuat keputusan akan menjurus kepada pencapaian akademik yang cemerlang sekaligus bergantung juga kepada tahap pengetahuan am yang dimiliki mereka.

Dalam pada itu, walaupun ramai berpusu-pusu di setiap penjuru Welcome Centre, semangat berpasukan dan ingin tahu tidak menghalang mereka untuk mengenali UUM dengan lebih dekat malah ada yang kelihatan begitu teruja, leka menyaksikan kesan peninggalan komunis yang kini menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka.

Pameran sejarah, kepimpinan dan penjelasan mengenai Discover UUM antara yang dinantikan mereka malah ada yang tidak mahu melepaskan peluang untuk sesi soal jawab yang berkait rapat dengan sejarah.

“Di sini ilmu pengetahuan adalah penting kepada pelajar untuk memberi motivasi dan inspirasi yang berkesan,” kata Penyelia Tingkatan 5, Rodzoh Hashim.

Tambahnya, “Welcome Centre tempat yang menarik untuk dilawati oleh pengunjung luar. Tempat mendapat maklumat mengenai sejarah UUM.”

“Sambutan yang baik, penerangan yang jelas dan menarik.”

Manakala, Guru Kanan Sains & Matematik, Mohd Hafizin Shafie berkata, “Menarik minat pelajar terhadap UUM menikmati suasana kampus di samping pelajar dapat pendedahan umum berkaitan sejarah UUM.”

“Hadir sama mengiringi lawatan sambil belajar dan kem teknik menjawab SPM SMKDH 1, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Puspakaran Kesayan.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.